

# IQRA'

Bil. 6/2022  
JUN

eISBN : 2735-1920

## Selamat Datang

Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Islam (BHEI)  
ke  
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)  
03 Jun 2022 (Jumaat) | 9.30 Pagi  
Bilik Mesyuarat Utama, PTAR

*Kunjungan Hormat PTAR Ke Atas Pengarah BHEI  
PTAR SHAH ALAM - m/s 5*

Lawatan Dan Mesyuarat Program Khidmat Masyarakat  
**PROGRAM TRANSIT ILMU  
BIL 2 /2022**  
BERSAMA WAKIL  
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka  
Pejabat Pendidikan Daerah Alor Gajah  
SK Alor Gajah 1  
SK Lendu  
SK Dato' Nanning  
SMK Dato' Haji Taib Karim  
SMK Dato' Idris Said  
SMK Seri Pengkalen

15 Jun 2022 2:30 petang  
PTAR UiTM Cawangan Melaka  
Kampus Alor Gajah

*Program Transit Ilmu Bil. 2/2022  
PTAR ALOR GAJAH - m/s 14*

**BENKEL  
PENYEDIAAN  
PROFIL PENYELIDIK**  
22 JUN 2022 (RABU)  
10:00 PAGI  
PLATFORM: CISCO WEBEX

CIK NOR AZHINA RASIM  
PUSTAKAWAN  
PDSM UiTM CAWANGAN PERLIS

CIK HAZLIN IBRAHIM KHAN  
PUSTAKAWAN KAMAR  
PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA

*Program Penyediaan Profil Penyelidik  
PTAR MACHANG - m/s 19*

Gambar-gambar sepanjang gotong-royong dijalankan

*Gotong-Royong Pelupusan Perabot  
PTAR PULAU PINANG - m/s 22*

**PROGRAM  
READ  
@UiTM**  
PTAR SERI ISKANDAR  
22-23 JUN 2022  
8.30 PAGI - 4.30 PETANG

BOOK REVIEW | E-SPORTS (FIFA) | KAHOOT!  
UNO STACKO | PICK-UP STICK | CONGGAK

*Program Read@UiTM PTAR Seri Iskandar 2022  
PTAR SERI ISKANDAR - m/s 30*

## PROMOSI@PTAR

Do you have questions regarding reference material?  
**CHAT WITH LIBRARIAN**  
To help you with your OPEN AND DISTANCE LEARNING (ODL)  
<https://libr.um.edu.my/#chat>

**IQRA BULLETIN**  
<https://library.um.edu.my/iqra/>





# PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT (CSR): TRANSIT ILMU (FASA 1)

22 JUN 2022

Disediakan oleh: Hazlin Ibrahim Khan



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah telah menganjurkan Program Khidmat Masyarakat (CSR): Transit Ilmu (Fasa 1) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Melaka sesi 2021/2022. Program ini telah diketuai oleh Puan Sariah Che' Man, Pembantu Pustakawan Tertinggi, sebagai Ketua Projek bagi Program Transit Ilmu, bersama kakitangan PTAR UiTM Cawangan Melaka dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Program ini akan dijalankan mengikut 2 fasa. Bagi fasa 1, program telah berjaya dilaksanakan pada 22 Jun 2022. Program yang berunsurkan pendidikan dan pembelajaran ini dilaksanakan bagi bertujuan manifestasi komitmen tanggungjawab sosial Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Cawangan Melaka ke arah membudayakan tabiat membaca dikalangan murid-murid sekolah di sekitar Daerah Alor Gajah.

Program ini melibatkan 6 buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Haji Talib Karim, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Dol Said, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pengkalan, Sekolah Kebangsaan Alor Gajah 1, Sekolah Kebangsaan Lendu dan Sekolah Kebangsaan Dato' Naning. Seramai 6 orang ahli jawatankuasa telah ditempatkan di setiap sekolah yang terdiri daripada 2 orang kakitangan perpustakaan bersama 4 orang pelajar dari Majlis Perwakilan Pelajar.

Bagi Program Transit Ilmu Fasa 1 ini bermula seawal jam 9.00 pagi dan berjalan serentak di semua sekolah yang terpilih. Setiap sekolah yang terlibat akan diberikan pinjaman buku sebanyak 200 naskah melalui perkhidmatan pinjaman "Bulk Loan". Tempoh "Bulk Loan" ini diberikan selama satu bulan, bermula pada tarikh 22 Jun 2022 sehingga 21 Julai 2022.

Diharapkan dengan adanya program seperti ini, dapat memupuk minat membaca dikalangan pelajar sekolah untuk cintakan buku dan menanam sifat minat membaca dikalangan generasi muda masa kini seterusnya dapat memperkenalkan perkhidmatan – perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak PTAR UiTM Cawangan Melaka kepada luar khususnya untuk pelajar sekolah. Program Transit Ilmu Fasa 2 dijangka akan dilaksanakan pada 26 Julai 2022 bertempat di UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah.

